PENDAKWA RAYA

lwn.

BASRI ISMAIL & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL AZIZ MOHAMAD H
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-11-91 & 47-27-91]
27 MAC 1992

PROSEDUR JENAYAH: *Dadah berbahaya - Kanabis - Takrif - Anggapan kawalan dan kustodi.*

Ketiga-tiga orang yang tertuduh adalah didakwa dibawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Satu persoalan yang berbangkit dalam hujah pihak pembelaan ialah sama ada bongkah-bongkah yang dijumpai itu mengandungi kanabis sebagaimana ditakrifkan dalam s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952.

Timbalan Pendakwa Raya berpegang kepada anggapan di bawah s. 37(d) setelah mengakui tidak ada keterangan bahawa mana-mana tertuduh telah memiliki atau mengetahui tentang kanabis itu.

Diputuskan:

[1] Berasaskan fakta orang yang membentuk daun-daun kanabis itu ke dalam bentuk bongkah adalah bertujuan untuk membentuk bongkah-bongkah daun kanabis yang *intact*, iaitu daun kanabis yang ada resin di dalamnya. Sehubungan dengan itu, ianya adalah tidak dikecualikan oleh takrif itu dan adalah kanabis mengikut takrif itu.

[2] Untuk membolehkan anggapan dibawah s. 37(d) berbangkit terhadap mana-mana tertuduh, mestilah ada bukti bahawa dia mempunyai kustodi dan kawalan terhadap kanabis itu. Bukti mengenai perkara itu mestilah bukti melalui keterangan.

[3] Berdasarkan keterangan, walaupun boleh dikatakan dengan keyakinan bahawa salah seorang atau mana-mana dua orang atau ketiga-tiga tertuduh terlibat dengan kanabis itu, tetapi oleh kerana tidak ada bukti dari segi undang-undang tentang kustodi dan kawalan terhadap mana-mana mereka, maka tidak seorang pun daripada mereka boleh dikatakan ada kes untuk dijawab.

[Ketiga-tiga tertuduh tiada kes untuk dijawab.]

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, s. 2, 37(d)

PENGHAKIMAN

Abdul Aziz Mohamad H:

Setakat yang relevan, fakta-fakta kes ini yang diperolehi daripada keterangan saksi-saksi pendakwaan adalah seperti berikut.

Saya bermula dengan membentang fakta-fakta berkenaan dengan rumah yang terlibat dalam kes ini. Rumah itu ialah rumah pangsa No. JKR 4843/5 di tingkat pertama salah satu blok empat tingkat, iaitu Blok H, Rumah Pangsa Hospital Besar Kuala Lumpur. Rumah pangsa itu kecil sahaja, mengandungi satu ruang tamu, satu ruang dapur di belakang ruang tamu dan, di sebelah kanan ruang tamu dan ruang dapur, dua bilik yang pada kebiasaannya akan

digunakan sebagai bilik tidur. Bilik pertama itu saya akan sebut sebagai bilik depan, dan bilik kedua sebagai bilik belakang. Tandas dan bilik mandi terletak di ruang dapur. Di belakang ruang dapur ada satu balkoni terbuka .

Menurut penghuni rumah pangsa di sebelah rumah pangsa JKR 4843/5 itu, iaitu Salleh bin Ahmad, setiap rumah pangsa dalam blok itu ada setor masing-masing di tingkat bawah. Apabila Inspektor Saliman bin Kasim, pegawai penyiasat dalam kes ini, melawat rumah pangsa itu pada. 7 Mei 1990, iaitu dua hari selepas hari kejadian, dia mendapati pintu setor bagi rumah pangsa itu ada tertulis dengan warna merah nombor rumah pangsa itu, iaitu "4843/5".

Inspektor Saliman berkata semasa diperiksa-balas bahawa, dalam lawatan itu juga, dia mendapati bilik depan itu tidak ada peralatan untuk tidur. Yang dia ingat ada dalam bilik itu ialah satu meja rendah dan satu kerusi panjang. Tetapi dalam ruang tamu pula ada sebuah katil.

Menurut Salleh, yang bekerja sebagai atendan Hospital Besar Kuala Lumpur, rumah-rumah pangsa itu ialah untuk kediaman pekerja-pekerja hospital itu. Pada masa dia mula menduduki rumah pangsanya, rumah pangsa JKR 4843/5 itu sudahpun didiami oleh Basri, iaitu tertuduh pertama, isterinya, dan anak-anak lelaki mereka, iaitu tertuduh kedua Md. Yusof dan tertuduh ketiga Abdul Rahim. Pekerja hospital dalam keluarga itu ialah isteri Basri yang bernama Jameah bt. Arshad. Apabila Jameah terkena penyakit hilang akal, perkhidmatannya telah ditamatkan, tetapi keluarga itu terus tinggal di situ. Sejak itu Jameah tidak pernah keluar rumah. Salleh berkata dia tidak berani pergi dekat rumah itu kerana, kalau ada orang lalu di hadapannya, Jameah akan memarahi mereka.

Menurut Salleh, Basri ada seorang anak perempuan yang sudah bersuami, tetapi dia tidak pernah nampak anak perempuan itu pergi ke rumah pangsa itu hinggalah setelah Basri ditangkap.

Keterangan Salleh bahawa Basri dan anak-anaknya Md. Yusof dan Abdul Rahim tinggal di rumah pangsa itu perlulah ditimbang bersama dengan keterangannya dalam pemeriksaan-balas dan pemeriksaan-semula. Dia berkata bahawa Basri jarang sekali balik ke rumah pangsa itu. Kadang-kadang dalam seminggu dia sekalipun tidak balik. Kadang-kadang dia balik pada pukul 4.00 pagi. Kadang-kadang dia tidur di atas kerusi malas dalam kawasan medan selera tidak jauh dari rumah pangsa itu. Md. Yusof juga jarang balik ke rumah itu. Seminggu sekalipun susah nampak Md. Yusof di rumah pangsa itu. Tentang Abdul Rahim, tidak terdapat keterangan tentang tabiat penghuniannya, tetapi, semasa diperiksa-semula, Salleh berkata bahawa yang dia selalu nampak menjaga Jameah ialah Abdul Rahim.

Pada pagi 5 Mei 1990, PPP Ahmad Sofian bin Md. Yassin dari Cawangan Anti Dadah, Ibu Pejabat Polis, Selangor, yang mengetuai empat orang anggota polis lain, telah pergi ke rumah pangsa itu.

Apabila mereka tiba di rumah pangsa itu pada kira-kira pukul 7.25 pagi, PPP Sofian telah mengetuk beberapa kali pintu yang didapati berkunci. Akhirnya Basri membuka pintu itu. Kemasukan mereka ke dalam rumah itu dihalang seketika oleh Jameah, isteri Basri, yang telah menggunakan penyapu hendak memukul mereka dan telah memaki hamun mereka. Pada masa itu hanya Basri dan Jameah sahaja yang berada di rumah itu.

Tentang keadaan Jameah, saya mengambil peluang menyatakan disini bahawa, apabila jurufoto polis pergi ke rumah pangsa itu pada 7 Mei 1990, Jameah kelihatan tidak siuman. Dia bercakap membebel dengan suaminya. Dari keterangan Salleh, PPP Sofian dan jurufoto itu saya

a berpuashati bahawa Jameah tidak normal dan tidak sempurna akal. Adalah munasabah dibuat kesimpulan bahawa tindakan Jameah cuba menghalang kemasukan pihak polis adalah kerana keadaannya yang sedemikian itu dan bukanlah kerana sesuatu niat.

Keseluruhan rumah itu telah diperiksa. Dalam masa pemeriksaan itu Jameah berada di ruang tamu.

b Pemeriksaan bahagian-bahagian lain rumah itu tidak menghasilkan apa-apa sehinggalah bilik belakang diperiksa. Pada masa itu pintu bilik belakang itu terbuka.

Dalam bilik itu, Inspektor Mohinder Singh telah menjumpai satu beg pakaian cap Encorelite yang mengandungi satu bungkusan akhbar yang mengandungi daun kering dan satu bongkah padat berbalut plastik. Menurut Inspektor Mohinder Singh, beg itu terletak di atas satu kotak di satu penjuru bilik itu di mana, dalam gambar P18F, dapat kelihatan sebuah beg dan botol-
c botol air minuman. Dalam kotak itu, iaitu kotak bercap Ekonomi Handalan Baru, Inspektor Mohinder Singh kemudiannya menjumpai lapan belas bongkah padat yang dibalut dengan **aluminium foil** dan plastik. Menurut PPP Sofian, beg Encorelite itu terbuka zipnya sebahagian dan kotak itu tertutup walaupun tidak dilekatkan penutupnya. PPP Sofian kena menguakkan mulut beg itu untuk mengeluarkan kandungannya. Menurut Inspektor Mohinder Singh, beg itu terbuka zipnya. Dari keterangan itu dan setelah melihat beg itu, saya membuat kesimpulan
d kandungan beg itu tidak boleh dilihat dari luar.

Ahli kimia kerajaan mengesahkan bahawa daun kering dalam bungkusan suratkhabar yang dijumpai dalam beg pakaian itu ialah 113 gram kanabis, satu bongkah yang dijumpai dalam beg pakaian itu ialah 574.5 gram kanabis dan lapan belas bongkah yang dijumpai dalam kotak itu ialah kanabis yang jumlah beratnya ialah 16, 783.4 gram.

e Dalam bilik belakang itu juga Inspektor Mohinder Singh menjumpai dalam sebuah almari tiga helai baju uniform polis berwarna biru. Menurut Inspektor Saliman, baju itu ialah baju uniform polis biasa. Ia ada lobang di bahu untuk memasang lencana polis. Pegawai Polis biasa memakai baju itu dengan memasang lencana polis. Budak pejabat polis memakai baju itu tanpa lencana itu. Baju yang dikemukakan ke Mahkamah tidak ada lencana terpasang padanya.

f Menurut Inspektor Mohinder Singh dia juga memeriksa satu laci dalam sebuah almari lain dalam bilik itu. Laci itu berkunci. Dalam pemeriksaan-balas, dia berkata bahawa Basri telah pergi ke bilik depan dan datang balik membawa anak kunci untuk membuka kunci laci itu. Laci itu didapati mengandungi dokumen-dokumen. Antaranya ialah kad pendaftaran bagi motosikal Suzuki BCH 850 dalam nama Basri bin Ismail. Satu lagi dokumen ialah bil elektrik dalam nama Jameah bt. Arshad dengan alamat 4843-5, Tingkat Satu, Lorong Raja Muda, Kuala
g Lumpur. Tidak syak lagi alamat itu ialah alamat rumah itu. Bil elektrik itu dan keterangan Salleh mengesahkan bahawa Jameahlah penghuni rasmi rumah pangsa itu.

PPP Sofian berkata dia bertanya Basri di manakah motosikal No. BCH 850 itu berada. Basri menjawab ia berada dalam setor. Maka mereka pun pergi ke setor itu yang didapati berkunci tetapi dibuka oleh Basri dengan anak kunci yang diambilnya dari dinding ruang tamu. PPP Sofian berkata jika dia tidak bertanya tentang motosikal itu, dia tidak akan mengetahui tentang
h setor itu.

Inspektor Mohinder Singh telah masuk ke dalam setor itu atas arahan PPP Sofian. Inspektor Mohinder Singh nampak sebuah kotak kayu di atas lantai setor itu di sebelah kiri setor jika dilihat dari pandangan semasa memasuki setor itu. Di dalam kotak kayu itu terdapat empat bongkah berbungkus plastik. Terdapat juga satu set alat pengadang taekwondo yang terdiri

i

daripada satu pengadang kepala dan dua keping pengadang badan. Motosikal BCH 850 juga berada di dalam setor itu. Semasa diperiksa-balas, Inspektor Mohinder Singh berkata ada juga barang-barang lain dalam setor itu.

Ahli kimia kerajaan mengesahkan bahawa empat bongkah itu ialah 3,704.6 gram kanabis. Maka jumlah kanabis yang dijumpai ialah 21,175.5 gram.

PPP Sofian kemudiannya telah meninggalkan tempat itu untuk pergi ke Balai Polis Sentul untuk menangkap Md. Yusof. PPP Sofian berkata Md. Yusof ialah pelayan pejabat polis berpakaian preman.

Tertuduh ketiga, Abdul Rahim, telah ditangkap lebih setahun kemudian, iaitu pada. 9 September 1991 lebih kurang 1.20 petang. Dia telah kelihatan di gerai-gerai makanan Lorong Raja Muda, Kuala Lumpur.

Satu persoalan yang berbangkit dalam hujah pihak pembelaan di hujung kes pendakwaan ialah sama ada bongkah-bongkah yang dijumpai itu mangandungi kanabis sebagaimana dtakrifkan dalam s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. Menurut takrif itu, kanabis ialah, setakat yang relevan, "any parts of any plant of the genus **Cannabis** from which the resin has not been extracted." Jika resin telah diekstrak daripada tumbuhan itu, maka, mengikut takrif itu, apa yang tinggal bukanlah kanabis.

Keterangan ahli kimia kerajaan dalam pemeriksaan-balas dan pemeriksaan-semula ialah bahawa daun-daun dalam bongkah-bongkah itu, walaupun telah ditekan secara sederhana sahaja (**mildly**), telah terlekat antara satu sama lain oleh sebab, dengan tekanan itu, resin, yang mana adalah bahan lekit (**sticky**), akan keluar daripada daun-daun itu. Tetapi ada lagi resin yang masih tinggal dalam daun-daun dalam bongkah itu. Ahli kimia itu berkata lagi bahawa, dalam hal sesuatu bongkah mampat, akan terdapat lebih banyak resin di permukaan-permukaan bongkah itu sebagaimana terdapat dalam bongkah-bongkah dalam kes ini. Namun demikian, dia berpendapat bahawa resin telah tidak diekstrakkan daripada kanabis dalam bongkah-bongkah itu.

Dalam pemeriksaan-semula, dia menyebut dua cara untuk mengekstrak resin daripada kanabis. Satu cara ialah memukul kanabis itu di atas kain dan kemudian mengikis keluar resin yang terlekat pada kain itu. Cara yang satu lagi ialah dengan menggunakan pelarut kimia (**chemical solvent**) untuk mengasingkan resin secara melarut (**dissolving**). Tetapi menurut beliau resin tidak diekstrakkan dengan cara memicit atau menekan kanabis. Dia menegaskan bahawa dalam kes ini resin ada terdapat dalam bongkah-bongkah itu.

Daripada soalan-soalan yang dikemukakan dalam pemeriksaan-balas ahli kimia itu, nampaknya tidaklah disarankan bahawa bongkah-bongkah dalam kes ini adalah semata-mata hampas daun kanabis sahaja, dan ahli kimia itu tidak juga berkata demikian. Daripada keterangan ahli kimia itu tentang keadaan bongkah-bongkah itu, adalah jelas kepada saya bahawa orang yang membentuk daun-daun kanabis itu ke dalam bentuk bongkah adalah bertujuan untuk membentuk bongkah-bongkah daun kanabis yang **intact**, iaitu daun kanabis yang ada resin di dalamnya. Adalah juga jelas kepada saya bahawa jika ada resin yang telah keluar daripada daun-daun kanabis dalam bongkah-bongkah itu, kejadian itu berlaku bukan kerana apa-apa proses untuk mengekstrakkan resin itu tetapi adalah suatu akibat yang tidak dapat dielakkan daripada proses membentuk kanabis itu dalam bentuk bongkah. Walaupun ahli kimia itu tidak dapat menyatakan amaun resin yang telah keluar, saya tidak menyangka bahawa amaunnya lebih daripada apa yang tinggal dalam daun. Walau bagaimanapun, resin yang telah keluar itu akan terlekat juga kepada daun-daun supaya, jika seseorang itu mengambil sedikit bahan

daripada bongkah itu dan menggulungnya untuk dihisap, maka, dengan adanya resin yang masih tinggal dalam daun-daun dan yang terlekat padanya, dia akan menghisap kanabis samalah seperti resin tidak keluar daripada daun-daun itu, dan akan mengalami akibat-akibat yang undang-undang bertujuan untuk mencegah.

Adalah jelas kepada saya bahawa tujuan di sebalik takrif kanabis itu ialah untuk membezakan kanabis yang efektif, iaitu kanabis yang, apabila dihisap, akan menghasilkan akibat-akibat penghisapan kanabis, daripada hampas kanabis, yang mana adalah dikecualikan oleh takrif itu oleh kerana agaknya ia adalah tidak memudaratkan dan tidak memerlukan kawalan oleh undang-undang. Bahan dalam bongkah-bongkah dalam kes ini adalah jelas kepada saya tidak dikecualikan oleh takrif itu dan adalah kanabis mengikut takrif itu.

Sekarang saya akan menimbang keterangan terhadap ketiga-tiga tertuduh. Saya bermula dengan membuat beberapa kesimpulan yang sukar hendak dielakkan. Pertama, kanabis yang dijumpai dalam bilik belakang itu dan dalam setor adalah kepentingan atau **concern** orang atau orang-orang yang sama. Kedua, adalah tidak mungkin seseorang luar, iaitu seseorang yang tidak ada hubungan dengan rumah pangsa itu, telah datang dan meletakkan kanabis itu di situ. Seseorang yang mempunyai akses biasa kepada rumah pangsa itu mestilah telah bertanggungjawab atas kehadiran kanabis itu di sana dan mestilah mengetahui ianya kanabis. Ketiga, oleh kerana Jameah adalah seorang yang tidak sempurna akalnya, tidak mungkin dia telah memainkan peranan dalam perkara kanabis itu berada di rumah pangsa itu. Mungkin dia mengetahui bongkah-bongkah itu telah diletakkan atau berada dalam bilik belakang, tetapi mengetahui hanya kerana dia berada di rumah pangsa itu dan bukanlah mengetahui secara terlibat. Orang yang mungkin bertanggungjawab ialah sama ada Basri, Md. Yusof atau Abdul Rahim atau ketiga-tiganya sekali. Tetapi itu adalah semata-mata syak yang munasabah, dan syak sahaja, tidak kira berapa kuatnya, tidaklah dapat menjadi bukti dari segi undang-undang.

Encik Shamsul, Timbalan Pendakwa Raya, mengakui tidak ada keterangan bahawa mana-mana tertuduh telah memiliki atau mengetahui tentang kanabis itu. Beliau berkata beliau berpegang kepada anggapan di bawah s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952. Untuk membolehkan anggapan itu berbangkit terhadap mana-mana tertuduh, mestilah ada bukti bahawa dia mempunyai kustodi dan kawalan terhadap kanabis itu. Bukti bagi perkara itu mestilah bukti melalui keterangan, oleh kerana tidak ada apa-apa anggapan statutori yang lain tentang kustodi dan kawalan. Saya perlu melihat kepada keterangan dan menimbang samada ada keterangan yang membuktikan, tanpa keraguan yang munasabah, adanya kustodi dan kawalan pada mana-mana tertuduh.

Saya bermula dengan menimbang keterangan terhadap Md. Yusof, tertuduh kedua. Dia adalah anak Basri dan Jameah, dan Jameah tinggal di rumah pangsa itu. Md. Yusof tidak ada di rumah pada masa pihak polis menjumpai kanabis itu. Menurut Salleh, dia jarang sekali balik rumah pangsa itu, hinggakan kadang-kadang seminggu sekali pun susah hendak nampak dia di sana. Ini bererti bahawa pada kebanyakan masanya dia tidak berada di rumah pangsa itu. Maka dia mestilah tinggal di tempat lain dan tidak di rumah itu. Mungkin jarang-jarang sekali dia pergi ke rumah itu dan tidur dan makan disana. Tetapi itu adalah perbuatan seorang anak yang menziarah rumah keluarganya dan tidaklah menjadikannya seorang yang tinggal di rumah itu.

Menurut Salleh, dia mengetahui nama Md. Yusof oleh kerana dia pernah mendengar kawan-kawannya yang datang ke rumah itu memanggil namanya. Tetapi, memandang kepada keterangan Salleh tentang kekerapan Md. Yusof pergi ke rumah pangsa itu, saya hanya boleh membuat kesimpulan bahawa hal itu berlaku pada ketika-ketika Md. Yusof pergi ke rumah itu.

Tiga helai baju uniform polis yang dijumpai dalam bilik belakang itu ada kemungkinannya dipunyai oleh Md. Yusof. Tetapi seseorang anak mungkin menyimpan sesuatu barangnya di rumah ibunya tanpa tinggal di rumah itu. Memandang kepada keterangan Salleh, saya tidak dapat membuat kesimpulan daripada tiga helai baju itu bahawa Md. Yusof tinggal di rumah itu.

Maka keterangan yang ada terhadap Md. Yusof hanyalah bahawa dia jarang-jarang sekali pergi ke rumah itu dan bahawa dia tidak ada di sana pada masa kanabis itu dijumpai. Tidak ada keterangan bilakah kanabis itu telah diletakkan di rumah pangsa itu dan tidak ada keterangan bilakah akhir sekali Md. Yusof pergi ke rumah itu. Dengan kedudukan keterangan yang sedemikian, tidak dengan apa cara jua boleh dikatakan ada keterangan bahawa Md. Yusof mempunyai kustodi dan kawalan terhadap kanabis itu.

Tentang Abdul Rahim pula, keterangan terhadapnya ialah bahawa dia tinggal di rumah pangsa itu, tetapi dia tidak berada di sana pada masa kanabis itu dijumpai. Malangnya Salleh tidak diperiksa-balas tentang kekerapan Abdul Rahim berada di rumah itu, sebagaimana yang berlaku mengenai Md. Yusof. Semasa diperiksa-semula, Salleh berkata Abdul Rahimlah yang menjaga keperluan ibunya. Maka saya tidak ada pilihan kecuali menerima keterangan Salleh bahawa Abdul Rahim tinggal di rumah itu. Soalnya adakah dia mempunyai kustodi dan kawalan terhadap kanabis itu. Sekali lagi tidak ada keterangan bilakah kali terakhir dia berada di rumah itu sebelum kanabis itu dijumpai atau bilakah kanabis itu datang ke rumah pangsa itu. Semata-mata dari hakikat bahawa seseorang itu ialah ahli sesuatu keluarga yang tinggal di rumah di mana dadah dijumpai, tanpa apa-apa fakta yang lain, tidaklah dapat dibuat kesimpulan bahawa, secara *prima facie*, dia mempunyai kawalan dan kustodi terhadap dadah itu, oleh kerana dari hakikat itu juga dapatlah dibuat kesimpulan yang sama kuatnya bahawa dia tidak ada kena-mengena dengan dadah itu.

Tentang Basri pula, keterangan terhadapnya ialah bahawa dia jarang-jarang sekali berada di rumah pangsa itu. Keterangan Salleh ialah bahawa kadang-kadang dalam seminggu dia tidak ada langsung di rumah. Gambaran keseluruhannya yang diperolehi daripada keterangan Salleh ialah bahawa pada kebanyakan masa dia tidak ada di rumah. Maka kesimpulannya ialah bahawa sama ada dia tinggal di tempat lain pada kebanyakan masa atau dia tidur di medan selera pada kebanyakan malam, tetapi dia ada di rumah apabila dadah itu dijumpai pada pukul 7.45 pagi hari itu. Tidak ada keterangan bilakah dia datang ke rumah pangsa itu sebelum itu. Tidak ada keterangan bilakah kanabis itu ditinggalkan di rumah pangsa itu. Dari keterangan Salleh, ada kemungkinan yang munasabah bahawa dia hanya datang ke rumah pangsa itu pada pukul 4.00 pagi. Ada kemungkinan yang munasabah kanabis itu sudah berada di rumah pangsa itu sebelum Basri datang ke rumah itu. Tidak ada sesuatu pun dalam gerak-geri dan kelakuannya yang menunjukkan bahawa dia mengetahui apa-apa tentang kanabis itu. Tidak ada keterangan bahawa dia berkata apa-apa atau mengambil apa-apa sikap yang menunjukkan apa-apa tanda ketakutan atau kebersalahan.

Terdapat keterangan bahawa ada kanabis di dalam setor di mana motosikalnya disimpan, tetapi itu tidak semestinya bererti bahawa dia ada kena-mengena dengan kanabis itu. Sebaliknya, apabila ditanya di mana motosikal itu berada, dia telah menjawab dengan berterus-terang bahawa motosikal itu berada di dalam setor. Dia telah pergi dan mengambil anak kunci setor yang tergantung dalam ruang tamu. Jika dia ada kena-mengena dengan kanabis dalam setor itu, dia sudah boleh berbohong tentang motosikal itu supaya pihak polis tidak akan pergi ke setor itu dan menjumpai kanabis di dalamnya.

Walaupun fakta-fakta kes pihak pendakwaan tidak membuktikan tanpa keraguan yang munasabah apa-apa kaitan Md. Yusof atau Abdul Rahim dengan kanabis itu, ianya tidak pula menidakkan probabaliti - yang mana adalah tidak memadai untuk mengasaskan kes *prima facie* terhadap mereka - bahawa salah seorang atau kedua-dua mereka telah menyimpan kanabis itu di dalam bilik belakang dan setor itu. Keterangan pihak pendakwaan sendiri juga tidak menidakkan probabaliti bahawa Basri telah balik ke rumah pangsa itu pada waktu malam atau pada pagi sebelum kanabis itu dijumpai dan bahawa kanabis itu telah berada di sana tanpa pengetahuannya apabila dia tiba. Jika kanabis itu sudah berada di sana apabila dia tiba, adalah probabel dia tidak mengetahui kanabis itu berada di dalam bilik belakang atau di dalam setor. Adalah probabel dia tidak nampak kanabis di dalam kotak kayu di dalam setor. Adalah juga probabel dia tidak menggunakan motosikalnya sebelum itu dan dia tidak pergi ke setor itu pada masa kanabis itu ada di dalamnya. Adalah juga probabel salah seorang atau kedua-dua anaknya telah menyimpan kanabis itu di dalam setor itu. Mereka mungkin telah mengambil anak kunci setor daripada ruang tamu, di mana ianya dapat dicapai oleh mana-mana ahli keluarga, dan menyimpan kanabis itu dalam setor tanpa pengetahuan bapa mereka.

Pendek kata, fakta-fakta yang diketahui daripada keterangan pihak pendakwaan tidak membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa Basri mempunyai kustodi dan kawalan terhadap kanabis itu. Daripada fakta-fakta itu sendiri adalah probabel bahawa salah seorang atau kedua-dua anak tertuduh telah meletakkan kanabis itu di dalam bilik belakang dan di dalam stor tanpa pengetahuan bapa mereka. Kes *prima facie* terhadap mana-mana tertuduh dapat dibuktikan hanya jika, daripada fakta-fakta yang ada, tidak ada apa-apa probabaliti bahawa dia tidak mempunyai kustodi dan kawalan terhadap kanabis itu. Tetapi sekiranya, daripada fakta-fakta yang diketahui, adalah probabel orang lain yang terlibat dan bukannya dia, maka kes *prima facie* terhadapnya tidaklah boleh dikira sebagai telah terbukti.

Ini adalah suatu kes di mana, walaupun bolehlah dikatakan dengan keyakinan bahawa salah seorang atau mana-mana dua orang atau ketiga- tiga tertuduh terlibat dengan kanabis itu, tetapi oleh kerana tidak ada bukti dari segi undang-undang tentang kustodi dan kawalan terhadap mana-mana mereka, maka tidak seorang pun daripada mereka boleh dikatakan ada kes untuk dijawab. Jika dikatakan ketiga-tiga tertuduh terlibat dengan dadah itu, adalah probabel hanya seorang atau dua sahaja yang terlibat. Jika dikatakan salah seorang tertentu atau dua orang tertentu atau dua orang tertentu daripada mereka yang terlibat, adalah probabel mereka tidak terlibat tetapi yang terlibat ialah seorang atau dua orang yang lain.

Atas sebab-sebab yang saya telah berikan tadi, saya mendapati bahawa tidak seorang pun daripada ketiga-tiga tertuduh ada kes untuk dijawab dan saya membebas dan melepaskan ke tiga-tiga mereka.

Also found at [1992] 3 CLJ 1369